

Shahidan sedia bertanding kawasan Parlimen

KANGAR 14 Nov. — Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menentukan sama ada beliau bertanding di kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum 29 November ini.

Menurutnya, beliau sedia bertanding di kawasan Parlimen jika itu kehendak Perdana Menteri.

“Keputusan menentukan kawasan mana saya bertanding merupakan hak Perdana Menteri dan saya sedia bertarung di mana sahaja sama ada di Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri,” katanya kepada pemberita di Kampung Mengkuang Layar di sini petang ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan *Utusan* bahawa sekurang-kurangnya empat orang Menteri Besar kemungkinan dipanggil ke Pusat.

Bagaimanapun, Shahidan berkata, berdasarkan keputusan undi sulit oleh UMNO Bahagian Arau menunjukkan beliau masih kekal sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Tambun Tulang.

Undian sulit

“Ini membuktikan bahawa majoriti rakyat Perlis mahu saya kekal di Dewan Undangan Negeri,” ujarnya.

Perlis mengamalkan sistem undian sulit iaitu daripada cawangan dan bahagian serta cadangan balas oleh Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri untuk menentukan calon pilihan raya.

Selain itu, Shahidan berkata, lebih banyak ahli Pas di negeri ini dijangka keluar dari parti pembangkang itu dan menyertai UMNO menjelang pilihan raya umum ini.

Menurutnya, sebanyak 93 ahli Pas dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tambun Tulang telah menyertai UMNO sejak semalam.

Katanya, mereka terdiri daripada 19 dari Kampung Kebun, Kampung Surau (29), Kampung Teluk (20), Kampung Behor Mempelem (10) dan Kampung Mengkuang Layar, Kampung Bakong serta Kampung Sungai Bakong masing-masing lima orang.

“Bekas ahli Pas percaya perjuangan mereka dalam parti pembangkang itu dianggap sebagai sia-sia dan pemimpin mereka selama ini juga tidak mempunyai arah perjuangan yang tetap,” katanya.

Beliau berkata, ahli Pas di negeri ini mula menginsafi bahawa UMNO merupakan sebuah parti yang betul-betul berjuang menegakkan agama, bangsa dan negara.

Jelasnya, UMNO sentiasa membuka pintunya kepada ahli Pas serta Keadilan untuk bersama-sama dengan UMNO menjayakan usaha kerajaan memajukan rakyat dan negeri ini pada masa depan.